Perubahan Struktur dalam Trend Pertumbuhan Global Selepas Krisis

Separuh dekad selepas dilanda krisis kewangan dunia, persekitaran ekonomi dunia masih berdepan dengan cabaran yang bersifat struktur dan kitaran. Aktiviti ekonomi di negara maju terus lembap, kerana usaha menangani masalah pengambilan hutang yang berlebihan, kelemahan yang berterusan dalam pasaran pekerja dan cabaran untuk membuat pembaharuan dalam rangka kerja keinstitusian sedia ada yang diwarisi ekonomi masing-masing. Ekonomi sedang pesat membangun, bagaimanapun, sedang menerajui pertumbuhan ekonomi global, di tengah-tengah usaha yang berterusan dalam pelaksanaan pembaharuan struktur untuk mempercepat peralihan pemacu pertumbuhan daripada eksport kepada permintaan dalam negeri. Pola pertumbuhan yang tidak simetri ini secara kumulatifnya menyumbang kepada kemunculan dunia yang makin bersifat berbilang polar, yang mungkin mempunyai implikasi mendalam kepada hubungan ekonomi antara negara dan dasar di seluruh dunia. Rencana ini bertujuan mengenal pasti perubahan struktur yang memacu pertumbuhan global, dengan fokus khusus pada Asia.

Kemelesetan Besar

Pada tahun 2008 hingga 2009, ekonomi global mengalami kemelesetan serentak yang paling teruk sejak Perang Dunia Kedua. Keluaran global menguncup sebanyak 2.2% manakala aktiviti perdagangan antarabangsa menurun sebanyak 12% berbanding dengan paras pada tahun 2005. Bagi menghadapi krisis ini, langkah-langkah dasar monetari dan fiskal yang bersifat kitaran balas yang pantas dan giat yang dilaksanakan oleh ekonomi maju dan juga ekonomi sedang pesat membangun berjaya mengurangkan kesan negatif daripada krisis ini dan merintis jalan ke arah pemulihan ekonomi pada tahun 2010.

Walaupun keluaran global beransur-ansur kembali kepada paras sebelum krisis, krisis tersebut mendedahkan banyak kelemahan struktur dalam ekonomi global, yang terutamanya sangat meruncing dalam ekonomi maju. Sebaliknya, ekonomi sedang pesat membangun menunjukkan daya tahan yang lebih tinggi dan telah mencakupi lebih daripada tiga perempat daripada pertumbuhan global antara tahun 2010 hingga 2012. Sumbangan ekonomi sedang pesat membangun dalam pertumbuhan global turut meningkat daripada 37% pada tahun 2000 kepada 49% pada tahun 2011, manakala sumbangan ekonomi maju mengalami penurunan yang setara (Rajah 1). Perbezaan dalam prestasi ekonomi menekankan perubahan dalam landskap ekonomi dan kewangan kepada persekitaran global yang baharu dengan pelbagai pusat pertumbuhan.

Rajah 1

Bahagian daripada KDNK Global



r Ramalan

Sumber: Tabung Kewangan Dunia (IMF)

Rajah 2

Pertumbuhan Ekonomi Utama Terpilih Sejak Tahun 2005



Sumber: Haver

Kemunculan Dunia Berbilang Polar

Pemulihan yang perlahan dalam ekonomi maju

Sejak lima tahun yang lalu, pertumbuhan dalam ekonomi maju berpurata pada kadar yang lebih rendah sebanyak 0.5% (2000-2007: 2.6%). Kadar peningkatan keluaran ekonomi daripada paras sebelum kemelesetan dalam ekonomi utama telah ketinggalan dengan nyata berbanding dengan ekonomi sedang pesat membangun (Rajah 2). Prospek pertumbuhan ekonomi ini yang secara relatifnya lemah disebabkan oleh beberapa faktor, iaitu pembayaran balik hutang sektor swasta, penjimatan fiskal, pengantaraan kewangan yang terjejas, serta ketegaran struktur dalam pasaran kerja. Faktor-faktor ini akan dihuraikan lebih lanjut dalam bahagian seterusnya.

Rajah 3

Nisbah Hutang Isi Rumah kepada Pendapatan Boleh Guna Peribadi



Sumber: Haver

1) Pembayaran balik hutang yang berterusan oleh sektor swasta

Halangan yang paling serta-merta kepada pemulihan ekonomi yang lebih kukuh berpunca daripada proses pembayaran balik hutang yang berterusan dalam kebanyakan ekonomi maju. Sejak dua dekad yang lepas, beberapa ekonomi maju mengalami pertumbuhan hutang yang berlebihan, yang mendorong ledakan penggunaan yang berlarutan. Yang ketara, trend keberhutangan isi rumah yang meningkat di beberapa ekonomi maju disokong oleh beberapa perkembangan penting dalam pasaran harta tanah dan pasaran kewangan. Peraturan penajajaminan gadai janji yang dilonggarkan dalam persekitaran mudah tunai yang banyak telah membolehkan isi rumah dengan kepercayaan kredit yang rendah untuk membeli harta tanah. Inovasi kewangan turut memudahkan pemilik kediaman untuk membuat pinjaman bersandarkan rumah yang terlebih nilai. Keadaan ini tidak dapat bertahan apabila kejatuhan harga rumah menyebabkan berlakunya kemungkiran, yang kemudiannya secara kumulatif menjejaskan permintaan agregat. Kesannya, isi rumah yang banyak berhutang terpaksa mengurangkan hutang dan membina semula kedudukan kekayaan yang terjejas teruk akibat ekuiti yang negatif dalam pasaran perumahan. Tinjauan daripada krisis sistemik yang lalu menunjukkan bahawa dalam kemerosotan kedudukan kewangan, proses pemulihan sering kali tertunda dan memakan masa yang lama (Reinhart and Reinhart, 2010). Pada masa ini, hutang isi rumah berbanding dengan pendapatan individu kekal tinggi menurut tahap keberhutangan pada masa lalu (Rajah 3). Ini menandakan bahawa proses pembayaran balik hutang masih berjalan dan akan terus mengekang aktiviti penggunaan swasta.

2) Penjimatan fiskal

Bagi menghadapi kemerosotan ekonomi yang teruk, kerajaan dalam ekonomi maju mengambil beberapa langkah rangsangan fiskal besar-besaran dan memberikan sokongan kepada institusi kewangan yang bermasalah melalui suntikan ekuiti dan jaminan hutang berskala besar. Kemerosotan kewangan kerajaan diburukkan lagi oleh operasi penstabil automatik seperti perbelanjaan yang lebih tinggi untuk bantuan pengangguran dan hasil cukai yang lebih rendah. IMF menganggarkan bahawa hampir separuh daripada peningkatan hutang awam dalam ekonomi maju berpunca daripada kehilangan hasil cukai secara automatik, sementara 17% lagi disebabkan oleh pakej rangsangan (Allen, 2012). Akibatnya, hutang awam ekonomi maju telah meningkat kepada paras yang sangat

tinggi selepas krisis, iaitu mencecah 105% daripada KDNK pada tahun 2011 (2001: 72%), dengan defisit fiskal sebanyak 4.7% daripada KDNK (2001: +0.7%). Oleh itu, kerajaan di ekonomi maju terpaksa mengurangkan perbelanjaan dan mengukuhkan kedudukan fiskal, lantas mempunyai keupayaan yang terhad untuk terus menyokong pemulihan ekonomi.

Melangkaui jangka masa terdekat ini, pemulihan kedudukan fiskal yang mampan kekal mencabar, disebabkan oleh halangan struktur asas yang lain. Khususnya, trend demografi yang tidak menggalakkan iaitu usia penduduk yang semakin tua serta nisbah tanggungan yang meningkat akan memberikan lagi tekanan pada kewangan awam. Ini akan mengekang keupayaan kerajaan untuk membiayai perbelanjaan awam yang meningkat bagi sistem penjagaan kesihatan dan pencen. Pada tahun 2008, perbelanjaan yang berkaitan dengan usia seperti perbelanjaan kesihatan dan pencen mencatat purata 13% daripada KDNK dalam ekonomi maju. Menjelang tahun 2030, perbelanjaan tersebut dijangka bertambah lagi sebanyak 4.5 mata peratusan untuk mencakupi 17.5% daripada KDNK, dengan itu memberikan lebih tekanan pada kedudukan fiskal mereka (IMF, 2010).

3) Pengantaraan kewangan yang terjejas
Institusi kewangan dalam ekonomi yang dilanda krisis turut mengurangkan hutang mereka bagi membaiki kedudukan kewangan. Ini telah menjejaskan keupayaan bank untuk menyediakan aliran kredit yang mencukupi bagi membiayai aktiviti ekonomi. Letusan gelembung perumahan mengakibatkan pengurangan yang serta-merta dan agak besar dalam nilai aset bank, kerana kemungkiran gadai janji oleh pemilik kediaman serta sekuriti berasaskan gadai janji mengalami penyusutan nilai yang ketara. Kedudukan kewangan turut terjejas oleh pengurangan nilai pemegangan sekuriti kerajaan ekoran kebimbangan yang meningkat tentang kemampanan fiskal dalam beberapa ekonomi maju. Persekitaran pengawalseliaan yang lebih ketat memburukkan lagi keadaan ini. Pada tahun 2012, bank-bank Eropah menjalani program pemodalan semula untuk menaikkan penampan modal kepada 9% dalam modal teras Kumpulan 1. Kemungkinan pelaksanaan keperluan yang lebih ketat pada masa hadapan seperti Basel III secara tidak langsung boleh mengetatkan piawaian pinjaman dan meningkatkan kos peminjaman untuk isi rumah, perniagaan, dan kerajaan. Walaupun tindakan dasar oleh bank-bank pusat baru-baru ini, seperti pengenalan *Operasi Twist* di AS dan *Outright Monetary Transaction* dalam kawasan euro, telah mengurangkan kos pemberian pinjaman jangka pendek dan melegakan sedikit tekanan pendanaan, banyak cabaran masih lagi wujud. Bank-bank Eropah dianggarkan terus mengalami kekurangan €400 bilion dalam modal (4.5% daripada KDNK kawasan euro). Pemberian kredit yang tidak mencukupi kepada ekonomi benar mungkin terus menjadi halangan utama terhadap pemulihan sepenuhnya.

4) Ketegaran guna tenaga
Dari segi guna tenaga, keadaan pasaran pekerja kekal lemah dalam kebanyakan ekonomi maju. Yang ketara, penjimatan fiskal yang berterusan dalam persekitaran ekonomi yang semakin tidak pasti secara kumulatif telah menjejaskan kadar pengambilan pekerja dan memburukkan lagi penyisihan pekerja daripada pasaran pekerja. Di AS dan UK, kadar pengangguran terus berada sekitar 8% dan dalam kebanyakan ekonomi di kawasan euro, kadar tersebut melebihi 11% (Rajah 4). Kelembapan aktiviti ekonomi memberikan kesan yang tidak seimbang kepada pekerja dalam industri yang lebih terjejas oleh krisis ini, seperti pembinaan dan perkhidmatan kewangan. Walau bagaimanapun, kehilangan pekerjaan ini kini menular kepada sektor lain yang tidak terbabit secara langsung dalam krisis pasaran kewangan seperti sektor perkilangan, sebahagiannya disebabkan oleh keyakinan pengguna yang lemah dan aliran kredit yang terjejas kepada pengguna.

Pemulihan yang lebih perlahan dalam guna tenaga juga merupakan simptom kepada trend lain yang bersifat struktur. Dengan ketidakpastian persekitaran global, sektor perniagaan mengamalkan sikap lebih berhati-hati dan semakin memilih untuk menggaji lebih banyak pekerja sementara. Sejak

Rajah 4

Kadar Pengangguran Belia dan Keseluruhan bagi Ekonomi Maju Terpilih



Sumber: Pihak Berkuasa Negara, Haver

bermulanya krisis global ini, pengambilan pekerja separuh masa telah meningkat lebih daripada 60% dalam ekonomi maju dan pekerjaan sementara juga lebih tinggi dalam 25% daripada ekonomi tersebut (ILO, 2012). Keadaan ini diburukkan lagi oleh ketidakpadanan geografi; iaitu pekerja yang mempunyai kemahiran yang dikehendaki tidak dapat menerima pekerjaan dalam pasaran geografi lain, lantas menyumbang kepada ketegaran pasaran pekerja dan pengangguran struktur yang lebih tinggi. Di AS dan UK, mobiliti pekerja yang lebih rendah sebahagiannya turut mencerminkan kesan kegawatan dalam pasaran harta tanah yang berterusan, di mana kebanyakan individu dengan gadai janji ekuiti yang negatif tidak dapat berpindah memandangkan harga rumah jatuh merundum.

Kadar pengangguran jangka panjang yang tinggi membawa implikasi dari segi kos sosial dan ekonomi yang serius seperti tuntutan manfaat pengangguran yang tinggi dan berterusan, kehilangan kemahiran yang kekal atau histeresis, dan risiko pergolakan sosial serta kemiskinan yang meningkat. Keadaan ini turut menjejaskan segmen penduduk berusia muda dengan lebih teruk berbanding dengan segmen penduduk yang lain. ILO menganggarkan bahawa pengangguran golongan muda dalam ekonomi maju telah meningkat kepada hampir 20% pada tahun 2012 daripada 11.7% pada tahun 2007. Keadaan ini lebih teruk dalam ekonomi yang mengalami kemelesetan, seperti Greece (55%), Sepanyol (53%) dan Portugal (39%). Penyisihan golongan muda daripada pasaran pekerja mungkin memberikan kesan negatif terhadap kebolehpasaran dan peningkatan upah pada masa akan datang, terutamanya apabila banyak pekerja berusia muda kini melakukan kerja yang berproduktiviti rendah.

Krisis ini turut memperlihatkan ketegaran struktur sedia ada yang lain dalam pasaran pekerja, yang mempunyai kesan ketara terhadap daya saing ekonomi maju secara keseluruhan. Banyak ekonomi maju mempunyai kos pekerja seunit yang tinggi kesan daripada struktur upah sedia ada. Kos ini tidak diimbangi sepenuhnya dengan peningkatan yang setara dalam produktiviti. Dalam kalangan ekonomi G7, pertumbuhan produktiviti (diukur sebagai perubahan dalam output bagi setiap jam bekerja) menunjukkan trend yang menurun sejak tahun 2005 sebelum menurun sebanyak 2.4% semasa kemuncak krisis pada tahun 2009. Keadaan ini amat kritikal di kawasan euro kerana peralihan ke arah kesatuan monetari telah meningkatkan kepentingan daya saing negara berdasarkan faktor benar seperti kos pekerja seunit. Perbezaan dalam imbuhan dan produktiviti pekerja telah menyebabkan daya saing yang berbeza dalam kalangan ekonomi kawasan euro, seperti yang ditunjukkan oleh perbezaan dalam ketidakseimbangan luaran dalam rantau itu (Rajah 5). Dalam hal ini, kerajaan ekonomi maju telah melaksanakan pembaharuan struktur dalam pasaran produk dan pasaran pekerja untuk meningkatkan daya saing, tetapi kesan positif hanya dapat dilihat dalam sektor ekonomi benar

Rajah 5

Imbangan Akaun Semasa Ekonomi Kawasan Euro Terpilih (% daripada KDNK)



a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Eurostat

dalam jangka sederhana. Melangkah ke hadapan, gabungan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan dan kelemahan yang mendalam dan berpanjangan dalam pasaran pekerja akan menyebabkan kadar pengangguran kekal tinggi, mengurangkan peningkatan pendapatan dan mewujudkan tekanan yang besar pada kewangan kerajaan.

Prospek dalam ekonomi sedang pesat membangun

Aktiviti ekonomi dalam ekonomi sedang pesat membangun kekal teguh. Menurut unjuran IMF, ekonomi sedang pesat membangun dijangka berkembang pada purata 6% setiap tahun dalam tempoh lima tahun akan datang. Pertumbuhan ekonomi di Asia semakin disokong oleh permintaan dalam negeri yang semakin kukuh, yang menyumbang kepada lebih dua pertiga daripada pertumbuhan di rantau itu pada tahun 2011. Ekonomi Asia telah mengharungi pergolakan ekonomi dunia dengan baik secara relatif berbanding dengan negara-negara maju. Sejurus selepas krisis ini, pakej rangsangan yang dilaksanakan oleh pihak berkuasa memainkan peranan penting untuk mengurangkan kesan negatif daripada perdagangan global yang lebih lemah. Di samping itu, pembaharuan dasar dan pasaran yang dilaksanakan sebagai tindak balas terhadap krisis kewangan Asia 1997/98 telah memperkukuh asas makroekonomi dan daya tahan pasaran kewangan rantau ini, yang membolehkan langkah-langkah pengembangan kitaran balas ini dipindahkan dengan cepat kepada ekonomi benar.

Pengalaman yang diperoleh daripada krisis kewangan global ini memberikan beberapa pengajaran penting kepada rantau ini. Permintaan global yang lemah menekankan perlunya pembaharuan ekonomi yang berterusan di Asia untuk mengorientasikan semula pertumbuhan ke arah permintaan dalam negeri. Di luar sempadan negara, krisis ini turut mempercepat usaha untuk mengeratkan lagi hubungan ekonomi intrarantau dan antara rantau. Memandangkan pemulihan ekonomi semasa mengambil masa yang lama, cabaran terhadap pertumbuhan adalah berdasarkan usaha untuk menjana dan mengekalkan sumber pertumbuhan yang baharu di samping memanfaatkan trend sedia ada yang lebih baik.

Kemampanan kadar pertumbuhan di Asia pada masa hadapan akan turut disokong oleh beberapa faktor struktur. **Pertambahan penduduk kelas pertengahan yang pesat** di Asia akan menyumbang kepada peralihan ke arah penggunaan dalam negeri yang lebih tinggi dalam ekonomi serantau. Peralihan ini sedang berlaku, dengan penggunaan swasta menyumbang kepada hampir separuh daripada pertumbuhan Asia pada tahun 2011. Di Negara Membangun Asia[1], bahagian penduduk kelas pertengahan[2] telah meningkat sekali ganda kepada 56% daripada jumlah penduduk pada tahun 2008 (1990: 21%). Menjelang tahun 2030, penduduk kelas pertengahan di negara membangun Asia dijangka mencakupi 42% daripada perbelanjaan global, menyerlahkan perkembangan peranan rantau ini sebagai asas pengguna yang penting untuk ekonomi dunia (Chun, 2010).

Selain itu, Asia turut mengalami kadar urbanisasi dan peningkatan taraf hidup yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Menjelang tahun 2025, lebih 2 bilion penduduk Asia, yang mencakupi separuh daripada penduduk bandar di dunia, dijangka tinggal di bandar. Perkembangan ini dijangka menyumbang kepada orientasi semula ekonomi serantau ke arah pertumbuhan berasaskan dalam negeri yang lebih kukuh. Selain itu, lebih banyak inisiatif pelaburan awam dijangka diwujudkan bagi menangani keperluan infrastruktur rantau ini. Secara khusus, keperluan infrastruktur Asia dianggarkan berjumlah USD8 trilion bagi tempoh 2010-2020 (ADB, 2009).

---

[1] Negara Membangun Asia - Armenia, Azerbaijan, Bangladesh, Kemboja, Republik Rakyat China, Georgia,India,Indonesia, Kazakhstan, Republik Kyrgyz, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Mongolia, Nepal, Pakistan, Filipina, Sri Lanka, Tajikistan,Thailand, Turkmenistan, Uzbekistan, Vietnam (ADB, 2010).

[2] Kelas Pertengahan – penduduk dengan perbelanjaan USD2-20/hari.
Kelas Atasan – penduduk dengan perbelanjaan >USD20/hari (ADB, 2010).

Dari perspektif antarabangsa, **hubungan ekonomi yang lebih erat antara ekonomi sedang pesat membangun** dalam bentuk aliran perdagangan dan pelaburan akan membolehkan pempelbagaian pasaran yang lebih luas. Dengan itu, pergantungan yang berlebihan terhadap ekonomi maju dapat dikurangkan. Sumbangan eksport ekonomi Asia Timur yang sedang pesat membangun kepada ekonomi maju telah menunjukkan penurunan yang berterusan sejak tahun 1990. Yang ketara, eksport Asia Timur[3] kepada ekonomi G3 telah menurun kepada paras 22% daripada jumlah eksport ekonomi Asia Timur berbanding dengan 31% sedekad lalu. Ini disebabkan terutamanya oleh trend perdagangan intrarantau yang meningkat, yang pada masa ini mencakupi kira-kira separuh daripada jumlah perdagangan Asia. Memandangkan penggunaan dalam rantau ini sendiri dijangka meningkat, banyak ekonomi di Asia dapat manfaat daripada konfigurasi perdagangan antarabangsa yang baharu ini untuk memenuhi permintaan dalam negeri yang semakin meningkat di rantau ini. Pelaburan langsung asing dalam rantau ini turut menjadi lebih penting, dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 20% setahun sepanjang sedekad lepas. Perkembangan yang menggalakkan ini disokong oleh kemunculan firma pelbagai hala tempatan, selain peluang perniagaan yang lebih banyak dalam rantau ini.

Di Asia, hubungan menjadi lebih erat apabila pihak berkuasa memanfaatkan kumpulan dan rangkaian intrarantau yang sedia ada untuk memupuk pemuafakatan dan kerjasama dalam bidang kepentingan utama. Perikatan yang diperkukuh seperti Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) serta ASEAN+3 menyerlahkan kerjasama ekonomi yang kian meningkat di Asia. Beberapa negara serantau turut mengadakan perjanjian dua hala untuk menggunakan mata wang domestik dalam penyelesaian perdagangan dan perjanjian gadaian merentas sempadan, yang bertujuan untuk menambah kemudahan mudah tunai kepada institusi kewangan. Usaha tersebut secara kumulatif menyumbang kepada pengukuhan hubungan ekonomi dan kewangan dalam Asia.

Pembaharuan struktur juga telah diteruskan dengan gigih. Kerajaan serantau kini memberikan tumpuan pada usaha menggalakkan dasar yang bertujuan meningkatkan pendapatan isi rumah dan mengurangkan simpanan awasan (*precautionary savings*). Ini termasuk pembaharuan insurans kesihatan dan liputan pencen yang dilanjutkan serta pembaharuan sektor kewangan untuk memperkukuh rangkuman kewangan. Di Asia, penambahbaikan skim jaring keselamatan sosial seperti gaji minimum telah memainkan peranan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah yang mempunyai kecenderungan mengguna yang paling tinggi, seterusnya meningkatkan aktiviti penggunaan.

Akhir sekali, integrasi **peserta global baharu** ke dalam pasaran akan terus mengubah landskap pekerja, penggunaan, dan pengeluaran global. Sejak beberapa dekad yang lalu, rantau sedang pesat membangun yang baharu telah mengorak langkah penting ke arah mewujudkan sistem ekonomi yang lebih berorientasikan pasaran, dalam keadaan halangan birokratik yang lebih rendah terhadap aktiviti perdagangan dan pelaburan. Pembaharuan ini telah bertapak kukuh di Asia sepanjang sedekad yang lepas. Negara-negara sedang pesat membangun ASEAN seperti Kemboja, Laos, Myanmar dan Vietnam telah membuat pembaharuan yang mendalam dan penting, yang membantu liberalisasi pasaran domestik mereka. Meskipun empat ekonomi ini mencakupi 9% daripada KDNK ASEAN pada masa ini (2011), pertumbuhannya telah mencatat purata 6.6% sejak lima tahun yang lalu. Keadaan ini menyerlahkan potensi rantau ini sebagai pusat penggunaan baharu dan asas pelaburan buat pelabur. Ini secara kumulatif akan meningkatkan prospek pertumbuhan rantau Asia.

[3] Ekonomi Asia Timur terdiri daripada RR China, Hong Kong, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Korea, China Taipei dan Thailand.

Perkembangan Baharu Ekonomi Global

Gabungan perkembangan ini menunjukkan bahawa kesan selepas krisis baru-baru ini pada dasarnya adalah berbeza berbanding dengan krisis-krisis sebelum ini. Ekonomi global pada masa ini sedang melalui suatu "perkembangan baharu" (*new normal*). Pertumbuhan dalam ekonomi maju dijangka terjejas oleh usaha yang berterusan untuk menggalakkan pembaharuan struktur dan pembayaran balik hutang oleh kerajaan, institusi kewangan dan pengguna. Berlatarkan perkembangan ini, ekonomi sedang pesat membangun terutamanya di Asia akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan global, dengan memanfaatkan trend yang menggalakkan seperti perdagangan intrarantau yang semakin meningkat dan peralihan yang lebih cepat ke arah pertumbuhan yang didorong oleh permintaan dalam negeri. Walaupun faktor-faktor ini akan memainkan peranan penting untuk mengurangkan kesan permintaan yang lebih rendah dalam ekonomi maju, namun ekonomi sedang pesat membangun tidak terlindung sepenuhnya daripada kesan persekitaran luar yang lebih lemah ini. Sebagai contoh, pada pertengahan tahun 2012, permintaan dalam negeri di Asia menunjukkan tanda-tanda lebih sederhana berikutan kelemahan yang berterusan dalam ekonomi maju. Berdasarkan kesemua faktor ini, walaupun ekonomi global dijangka terus bertambah baik, pemulihannya mungkin berdepan dengan risiko penurunan yang berpanjangan dengan pengagihan yang terus tidak seimbang.

Memandang jauh ke hadapan, trend struktur global seperti aktiviti urbanisasi yang berterusan, kemajuan teknologi, serta demografi yang berubah-ubah juga akan memainkan peranan penting dalam membentuk semula landskap ekonomi dan kewangan global. Yang penting, usaha untuk meningkatkan daya tahan, fleksibiliti, dan kecekapan ekonomi akan menjadi fokus dasar yang utama di kebanyakan rantau, khususnya berhubung dengan pengagihan sumber yang terhad dan penyediaan infrastruktur yang mencukupi. Di luar sempadan negara, "perkembangan baharu" ekonomi global memerlukan perspektif dasar melangkaui pertimbangan kitaran dan domestik ke arah pembentukan dasar yang bersifat awalan dan global. Dalam hal ini, pembaharuan struktur dan keinstitusian akan memainkan peranan penting dalam mewujudkan pertumbuhan yang lebih inklusif dan mampan.

Rujukan

Allen, M. (2012), 'Current Fiscal Problems of Advanced Economies', IMF Presentation to Joint Vienna Institute, Slide 6.

ASEAN Community in Figures 2011, ASEAN Secretariat, April 2012.

Asian Development Bank dan Asian Development Bank Institute (2009), 'Infrastructure for a Seamless Asia', 4 (Tokyo: ADB/ADBI). Available from www.adbi.org/files/2009.08.31.book.infrastructure.seamless.asia.pdf.

Chun, N. (2010), 'Middle Class Size in the Past, Present, and Future: A Description of Trends in Asia', ADB Economic Working Paper Series No. 217, 10-23.

International Labour Organization (2012), World of Work Report 2012, 'Better Jobs for a Better Economy', 6.

International Monetary Fund (2010), 'From Stimulus to Consolidation: Revenue and Expenditure Policies in Advanced and Emerging Economies', IMF Fiscal Affairs Department, 12-15.

Reinhart, R. dan Reinhart, V. (2010), 'After the Fall', National Bureau of Economic Research Working Paper 16334, 3.